

Sit 9/12/2012
402
m/s: 43

Mohd Khairi percaya kepada rezeki

Dahulu pernah kerja operator kilang dan ambil upah cuci pinggan kini Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Kulaijaya

■ SHAHIZATUL FARHA S ROSLI

Bermula dengan kerjaya sambilan sebagai operator kilang dan mengambil upah mencuci pinggan di restoran selama hampir 10 tahun, Mohd Khairi Zainudin, 33, tetap percaya kepada rezeki yang ditentukan untuknya.

Lulusan Diploma Kejuruteraan Mekanikal dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) ini, sentiasa berpegang kepada prinsip keikhlasan dalam apa jua bidang pekerjaan sehingga beliau diterima bertugas bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).



MOHD KHAIRI

Personaliti KULAIJAYA

pada 2010.

Beliau yang kini bertugas sebagai Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Kulaijaya berkata, beliau pernah mencuba nasib untuk menyertai pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sebaik sahaja tamat pengajian pada 2001 namun tidak berjaya.

"Sejak dari itu saya putus harapan untuk mencari pekerjaan yang bersesuaian dengan kelulusan kerana kebanyakan syarikat memerlukan pengalaman kerja sedangkan ketika itu saya baru sahaja tamat pengajian.

"Akhirnya saya bekerja sebagai operator kilang dan mengambil upah sambilan mencuci pinggan di kedai makan sehingga seorang rakan mengajak saya menyertai JBPM yang sedang membuka pengambilan ketika itu," katanya.

Anak kelahiran Negeri Sembilan ini berkata, walaupun tidak pernah terfikir untuk berkhidmat sebagai anggota bomba namun beliau bersyukur diterima menyertai JBPM sekaligus berpeluang untuk berbakti kepada orang ramai.

"Pekerjaan sebagai anggota bomba adalah kerjaya dua dalam satu di mana kita dapat mencari

rezeki untuk menyara keluarga namun pada masa sama dapat menghulurkan bantuan kepada orang ramai.

"Walaupun sebelum ini saya tidak mempunyai minat terhadap kerjaya bomba namun penyertaan bersama JBPM mula mengubah pandangan dan persepsi saya," katanya.

Walaupun dilantik sebagai Ketua Balai pada usia muda, Mohd Khairi berkata, beliau sentiasa menghormati anggota bawahannya tanpa mengira usia dan menunjukkan disiplin kerja yang baik untuk dicontohi.

Menurutnya, menjadi ketua, perkara paling utama adalah keterampilan diri sebagai pemimpin yang boleh dicontohi supaya anggota bawahan tidak teragak-agak untuk mematuhi arahan dan peraturan ditetapkan.

"Selain itu, cara berkomunikasi juga amat penting, perlu wujud sikap saling menghormati antara ketua dan orang bawahan tanpa mengira usia."

"Ketua juga perlu memahami masalah yang dihadapi setiap pekerja sebelum mengambil tindakan terhadap kesalahan yang mereka lakukan," katanya.

Katanya lagi, tugas sebagai anggota bomba berdepan dengan pelbagai cabaran termasuk risiko keselamatan dan persepsi masyarakat yang sentiasa mengharapkan kehadiran

mereka dalam waktu singkat.

Baginya, tugas yang mencabar adalah semasa misi memadam kebakaran kerana pada masa ini banyak kilang yang menggunakan bahan radioaktif dan mendedahkan anggota bomba kepada gas kimia.

"Dahulu, kebakaran rumah atau bangunan tidak melibatkan bahan merbahaya.

"Selain itu terdapat juga masyarakat yang tidak memahami tugas dan kekangan anggota bomba untuk sampai ke lokasi kejadian dalam tempoh singkat," katanya.

Selain itu bapa tiga anak ini berbakti, tugas anggota bomba turut menuntut pengorbanan tinggi terutama masa yang dapat diluangkan bersama keluarga adalah amat terhad.

Namun menurutnya, sebagai ketua di balai dan menjadi pemimpin keluarga, beliau perlu memberi pemahaman jelas kepada isteri dan anak agar mereka tidak berasa dipinggirkan dan menyokong kerjayanya.

"Anak saya masih kecil iaitu berusia antara dua hingga lapan tahun, adakala mereka merajuk bila saya tidak dapat mengantar mereka ke sekolah dan terpaksa bertugas tiba-tiba jika ada kecemasan."

"Namun, saya akan pastikan ada masa untuk bersama mereka dan bersyukur kerana isteri memahami kerjaya saya," katanya.